



Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/05/24/0002 (13)
Ruj. Tuan : CMSB/KUDR/01
Tarikh : 15 Julai 2024

Central Medicare Sdn Bhd
PT 2609-2620, Batu 8,
Jalan Changkat Jong,
Mukim Changkat Jong,
36000 Teluk Intan.
(u.p: Nurul Fariza Ashikin Binti Yan)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KERJA PENGOREKAN JALAN MENGGUNAKAN
KAEDAH "PIPE JACKING" BAGI PENYAMBUNGAN PAIP
UTAMA LAP**

PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR HILIR PERAK)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kebenaran laluan Izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan sebagaimana berikut:

| BIL. | NAMA JALAN | PBM/PBT | JUMLAH (RM) |
|------|--------------------------|-----------------|---|
| 1. | JALAN CHANGKAT JONG FT58 | JKR HILIR PERAK | RM 67,300.00 Deposit Keselamatan 100% Dalam Bentuk Jaminan Bank) *Di Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Perak |

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam sepertimana yang dinyatakan di **Jadual 2** untuk menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari **Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*) **Kerajaan Persekutuan/ Negeri, Jurutera Daerah JKR berkenaan serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.**





Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/05/24/0002 (13)
Tarikh : 13 Julai 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KERJA PENGOREKAN JALAN MENGGUNAKAN
KAEDAH "PIPE JACKING" BAGI PENYAMBUNGAN PAIP
UTAMA LAP**

PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR HILIR PERAK)

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan Invois **QT-05-0002** bertarikh **12 Jun 2024** untuk tindakan selanjutnya pihak Tuan/Puan.

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Jabatan Kerja Raya Perak seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Adalah diingatkan bahawa pihak Tuan/Puan boleh didakwa mengikut Akta 333 (Akta Pengangkutan Jalan 1987), Seksyen 40 dan dibawah Seksyen 85 Undang-Undang Malaysia sekiranya kerja-kerja tersebut dilakukan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Jalan.

9. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **En Mohd Shahrul Azri Bin Mohamed Nor** di talian **016-3858654** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/02072024/Kamarul/Azri

